

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PERTUBUHAN MASYARAKAT MADANI DALAM MENGADVOKASI KESEJAHTERAAN WARGA EMAS DI MALAYSIA

Siti Munirah binti Mohd Faizal Lim, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Haris Abd Wahab¹

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.

Abstract

Malaysia is experiencing rapid demographic changes due to increasing ageing populations. Consequently, older people's well-being has become the main agenda not only among the government but also civil society organisations. A study was conducted in 2019 to examine challenges faced by civil society organisations in Malaysia in their efforts to enhance the well-being of older adults through advocacy. The term advocacy in this study encompasses activities, programmes, policies, and initiatives carried out or planned by civil society organisations to enhance the well-being of older adults in Malaysia. This study employs a qualitative approach using a case study design and gathers information through a semi-structured interview involving representatives from civil society organisations and government agencies. The selection of the study sample was done purposively. The study identified several critical challenges faced in advocating to enhance the well-being of older adults, namely, limited awareness regarding issues faced by older adults, financial constraints, inter-ministerial incoordination, and weak coalition building. These findings illustrate the need for collaboration among multi-stakeholders in advocating for the well-being of older adults in Malaysia.

Keywords: Advocacy, social advocacy, advocacy strategies, civil society organisations, older adults.

¹Penulis Koresponden: haris@um.edu.my

Abstrak

Malaysia sedang mengalami perubahan demografi yang mendadak disebabkan oleh peningkatan penduduk berusianya. Akibatnya, kesejahteraan hidup golongan berusia menjadi agenda utama; bukan sahaja pada kerajaan, tetapi juga, pertubuhan-pertubuhan masyarakat madani. Satu kajian telah dilakukan pada tahun 2019 bagi meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat madani di Malaysia di dalam usaha mereka meningkatkan kesejahteraan hidup golongan berusia menerusi advokasi. Istilah advokasi di dalam kajian ini merangkumi aktiviti-aktiviti, program-program, polisi dan inisiatif yang dilakukan atau dirancang oleh pertubuhan masyarakat madani bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan berusia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif reka bentuk kajian kes, dan mengumpulkan maklumatnya menerusi temubual separa berstruktur, melibatkan perwakilan daripada pertubuhan masyarakat madani dan agensi-agensi kerajaan. Pemilihan sampel kajian dilakukan mengikut teknik persampelan bertujuan. Kajian ini telah mengenal pasti beberapa cabaran kritikal yang dihadapi ketika melakukan advokasi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup golongan berusia; antaranya kesedaran yang terhad berkaitan isu warga berusia, halangan kewangan, ketiadaan kordinasi antara kementerian serta kelemahan di dalam pembinaan pakatan antara organisasi. Semua dapatan berkenaan menggambarkan keperluan kolaborasi antara pelbagai pemegang taruh di dalam mengadvokasi kesejahteraan hidup golongan berusia di Malaysia.

Kata kunci: Advokasi, advokasi sosial, strategi advokasi, pertubuhan masyarakat madani, golongan berusia.

PENDAHULUAN

Penuaan merupakan isu utama dalam kalangan penggubal dasar pada abad ke-21. Berdasarkan unjuran prospek penduduk dunia 2019 oleh Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu daripada setiap enam orang terdiri daripada mereka yang berumur 65 tahun dan keatas (United Nations, 2019). Di peringkat global, terdapat 703 juta warga emas berumur 65 tahun ke atas pada tahun 2019, dan Asia Timur dan Tenggara menunjukkan peningkatan yang luar biasa dalam populasi warga tua dengan 260 juta (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2019). Peningkatan umur yang ketara memberi impak kepada ekonomi dan struktur sosial masyarakat. Di Malaysia, sebagai contoh, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk warga emas telah meningkat saban tahun, dengan mencatatkan jumlah sebanyak 2.4 bilion ringgit pada tahun 2021 berbanding 2.3 bilion ringgit pada tahun sebelumnya. Senario ini menunjukkan bahawa itulah jumlah yang perlu ditanggung oleh kerajaan hasil daripada populasi menua. Antara kategori perbelanjaan yang terlibat adalah seperti bayaran pencen, penjagaan kesihatan dan faedah sosial bagi memenuhi keperluan warga emas di Malaysia (Mazlynda et al., 2020).

Natijahnya, kesejahteraan warga emas telah menjadi agenda utama setiap negara di seluruh dunia. Tidak terkecuali negara Malaysia yang sedang berusaha untuk melindungi hak warga emas dengan memperkenalkan beberapa dasar sosial dalam menangani isu penuaan. Antara dasar-dasar tersebut adalah Dasar Kebangsaan Warga Tua (1995), Dasar Kebangsaan Warga Emas (2011), Dasar Kesihatan Kebangsaan Warga Emas (2008), dan Hari Warga Emas Negara, yang disambut setiap tahun pada 1 Oktober setiap tahun sejak 1992. Matlamat utama semua dasar dan strategi tersebut adalah untuk memastikan perlindungan kebajikan yang menyeluruh dalam kalangan warga emas dari segi kesihatan, ekonomi dan kesejahteraan umum.

Dasar Kebangsaan Warga Tua (1995) adalah dasar yang pertama diperkenalkan secara eksplisit dalam menangani masalah yang melibatkan warga emas, dan ia telah diubah suai menjadi Dasar Kebangsaan Warga Emas (2011) bersama-sama dengan Dasar Kesihatan Kebangsaan Warga Emas, 2008 (Tengku Aizan, 2016). Matlamat utama dasar ini adalah untuk memastikan kesejahteraan warga emas secara menyeluruh dalam pembangunan dan kemajuan kesihatan, disamping memastikan persekitaran yang menyokong untuk warga emas melayari kehidupan mereka (Siti Zaharah et al., 2015). Walau bagaimanapun, selain dasar sosial, terdapat pelbagai mekanisme dan strategi yang boleh diambil untuk mengatasi isu penuaan penduduk dan keselamatan ketika persaraan (Lee, 2017).

Di samping itu, kajian membuktikan bahawa warga emas sering berhadapan dengan pelbagai isu sosial, termasuk pengasingan sosial, ketidaksamaan sosial, dan isu penjagaan keluarga (Watanabe, 2021). Misalnya di Jepun, masyarakatnya berpendapat menggalakkan penglibatan secara bersama dalam masyarakat adalah satu aspek penting di dalam menjaga kebajikan hidup warga berusianya. Segala usaha sedia ada dilihat masih belum cukup dalam memenuhi keperluan dan hak warga emas secara holistik (United Nations Development Programme, 2016).

Pendekatan bersepadu melalui strategi advokasi sosial adalah penting di dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas. Advokasi sosial ialah agen perubahan dalam menguatkuasakan undang-undang melalui dasar sosial dan ia merupakan satu pendekatan yang praktikal bagi merencanakan lagi bidang pendidikan awam berkaitan isu penuaan. Hal ini dianggap sebagai satu strategi untuk mewujudkan perubahan dalam dasar, sikap, tingkah laku dan seterusnya mampu membuat keputusan yang berpihak kepada kepentingan awam (Nwalia, 2019). Sehubungan itu, menangani halangan-halangan serta cabaran-cabaran advokasi dengan menggalakkan penglibatan dan usahasama pertubuhan masyarakat madani dan kerajaan untuk memperbaiki sebarang ketidakadilan terhadap warga emas adalah satu intervensi sosial yang kritikal (Cohen & Marshall, 2017).

ULASAN LITERATUR

Konsep advokasi

Tema advokasi sosial telah wujud sejak tahun 1870-an lagi (Schneider, 2019). Seperti yang dikaji oleh Schneider dan Lester pada tahun 2001, terdapat pelbagai definisi advokasi dalam konteks kerja sosial. Antara aspek penting dalam advokasi adalah mengenal pasti strategi advokasi sosial yang sesuai digunakan dalam mempengaruhi pembuatan keputusan (Scourfield, 2021). Schneider dan Lester (2001) pula mendefinisikan advokasi sosial sebagai *“perwakilan yang eksklusif secara bersama daripada pihak berkepentingan melalui perbincangan untuk mempengaruhi pembuat keputusan”* (Schneider & Lester, 2001).

Advokasi amat memerlukan kesabaran, ketekunan, asas sokongan dan perundingan yang luas serta memerlukan komitmen jangka panjang (Whelan, 2016). Istilah “advokasi” juga pertama kali diguna pakai pada *Proceedings of the National Conference of Charities and Corrections* (Prosiding Persidangan Kebangsaan Amal dan Pembetulan) pada tahun 1917 dan diperkenalkan sebagai salah satu komponen utama dalam kerja sosial pada tahun 1887 (Schneider, 2019). Advokasi sosial adalah idea yang paling berpengaruh dan penting dalam amalan kerja sosial (Hoefler, 2018). Pada era tersebut, pekerja sosial mendedikasikan hidup mereka untuk meningkatkan kesejahteraan manusia, dan mereka menggunakan pelbagai jenis pendekatan dalam usaha untuk berkerja dengan pelbagai lapisan masyarakat (Ruth & Marshall, 2017).

Pekerja sosial bertindak sebagai penyokong untuk memperkasakan komuniti dengan mewakili suara golongan marginal seperti warga emas dalam proses penggubalan dasar dan mencadangkan beberapa penyelesaian dasar dalam perlembagaan (Lu, 2018). Pekerja sosial memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat disamping meningkatkan kesedaran tentang isu penuaan (Tsigags, 2017). Usaha untuk mempengaruhi proses pembuatan keputusan dan menggalakkan kesedaran tentang isu penuaan boleh dicapai melalui strategi advokasi sosial. Strategi advokasi sosial merupakan instrumen penting untuk mengubah sesuatu dasar melalui usaha yang kuat daripada pengamal advokasi dalam mengenengahkan sesuatu isu (Bird, 2016).

Peranan pekerja sosial juga melibatkan pemerksaan golongan rentan dengan mengesyorkan penambahbaikan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Apabila bercakap mengenai advokasi kerja sosial, ia adalah satu tindakan secara minimum yang mempengaruhi individu dan memberi manfaat kepada masyarakat. Sebagai contoh, advokasi bertindak sebagai ejen yang bersuara menentang diskriminasi terhadap warga emas dengan mewar-warkan secara terbuka berkenaan isu tersebut kepada media dan pihak yang berkepentingan, seperti kerajaan atau penggubal undang-undang, dalam menjana sokongan dan sekaligus kepada

perubahan. Antara pelopor dalam bidang advokasi kerja sosial ialah Sosin dan Caulum (1983). Mereka mendefinisikan advokasi sebagai percubaan untuk mempengaruhi pembuat keputusan menggunakan pujukan atau paksaan. Advokasi adalah elemen penting dalam mencapai keadilan sosial dengan membela dan mewakili suara-suara golongan yang berisiko (McNutt, 2011; Chereni, 2017). Advokasi juga dapat didefinisikan sebagai satu proses yang teratur, sistematik dan strategik yang bertujuan untuk membawa sesuatu dasar yang baru atau memperbaiki dasar sosial dan ekonomi yang sedia ada (World Health Organisation, 2017).

Secara ringkasnya, advokasi merujuk kepada proses yang melibatkan perubahan melalui penglibatan kumpulan terjejas seperti warga emas dalam merancang sistem yang mampu memperbaiki kehidupan mereka agar lebih sejahtera. Terdapat pelbagai definisi advokasi dalam kajian sains sosial. Namun yang membezakan istilah advokasi daripada bidang perkhidmatan manusia lain adalah tumpuan ke arah kesaksamaan dan keadilan sosial bagi setiap individu. Strategi ini dilaksanakan dengan mewakili golongan yang tertindas, terpinggir, atau dikesualikan dalam sebuah sistem sosial. Walau bagaimanapun, yang menjadi kebimbangan utama adalah tahap kualiti dan kecekapan dalam menyediakan strategi atau aktiviti yang berkesan (Kim & Mason, 2017). Terdapat pelbagai cabaran dalam memastikan advokasi sosial yang dijalankan mampu memberi impak yang berkesan kepada perubahan sosial.

Pertubuhan Masyarakat Madani

Konsep 'madani' telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, 'madani' membawa maksud kemajuan dari segi kebendaan, kerohanian dan corak pemikiran demi membentuk masyarakat yang bercirikan nilai-nilai murni dan kekeluargaan. Terdapat 6 nilai teras Madani yang menjadi landasan di Malaysia, iaitu kemampuan yang menekankan keseimbangan dalam kualiti hidup berasaskan kepada ilmu pengetahuan. Nilai kedua adalah kesejahteraan yang mengambilkira aspek ekonomi, sosial, dan kelestarian alam, dan nilai ketiga adalah daya cipta yang mengalakkan pembaharuan dan pengupayaan modal insan. Seterusnya, nilai keempat adalah hormat yang mempamerkan kekayaan tradisi dengan meraikan kemajmukan negara melalui budi bahasa. , Manakala nilai kelima dan keenam adalah keyakinan terhadap perubahan kearah kebaikan dan ihsan terhadap semua lapisan masyarakat melalui pemberdayaan potensi dan kemampuan (Portal rasmi Malaysia Madani).

Masyarakat madani juga merujuk kepada sebuah sistem sosial yang berlandaskan nilai moral demi mencapai keseimbangan antara kebebasan individu dan masyarakat (Ismatul Izzah, 2018). Penglibatan masyarakat madani dalam sistem sokongan kerajaan amat penting. Sebagai contoh, masyarakat madani memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini dilindungi melalui perkhidmatan sosial yang disediakan seperti pusat jagaan warga emas. Secara

ringkasnya, masyarakat madani dalam kajian ini mewakili sektor masyarakat sivil. Masyarakat sivil merangkumi badan bukan kerajaan, badan sukarela, kesatuan pekerja, dan institusi keagamaan (Lawrence, 2020). Manakala, kajian ini melibatkan badan bukan kerajaan yang menfokuskan kepada warga emas, agensi yang menyediakan perkhidmatan kepada warga emas seperti pusat jagaan, dan insitut penyelidikan warga emas.

Isu golongan berusia

Seiring dengan peningkatan populasi warga emas yang semakin bertambah, terdapat isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan warga emas. Antara isu-isu yang berkaitan dengan warga emas adalah; peningkatan kos dari segi pencen dan penjagaan kesihatan, masalah kebergantungan dalam kalangan warga emas, dan perubahan dinamik dalam struktur keluarga (Chand, 2018). Populasi warga emas yang terus meningkat telah mendatangkan beberapa cabaran kepada kerajaan, termasuk pertumbuhan ekonomi yang perlahan, kemiskinan dalam kalangan warga emas, isu peningkatan pemindahan kekayaan daripada golongan pekerja kepada warga emas, ketidakcekapan dalam pasaran buruh dan jumlah simpanan persaraan yang tidak mencukupi (Chand & Tung, 2014).

Selain itu, penambahan jumlah warga emas juga mengancam dasar-dasar awam, terutamanya dalam penyediaan pekerjaan buat warga emas. Pekerjaan berterusan telah menyebabkan tahap pergantungan yang tinggi, peningkatan hasil cukai dan penurunan perbelanjaan awam. Peratusan warga emas yang lebih tinggi dalam populasi sesebuah negara akan mengakibatkan perubahan sosial dan ekonomi yang ketara, seperti peningkatan tahap kebergantungan, peningkatan beban ke atas penjagaan kesihatan, kebajikan dan sistem pencen dan kekurangan tenaga buruh, dalam lain-lain. Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap penuaan bukan hanya menumpukan kepada kualiti kehidupan warga emas sahaja. Ia juga meliputi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat sivil dalam memperjuangkan kesejahteraan warga emas melalui strategi-strategi advokasi yang dilaksanakan.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan dan reka bentuk kajian

Satu kajian telah dilakukan pada tahun 2019 dan 2020 bertujuan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat sivil dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman sebenar secara mendalam daripada wakil pertubuhan masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang terlibat dalam aktiviti advokasi di Malaysia. Kajian kes adalah reka bentuk yang paling sesuai untuk subjek ini. Pendekatan ini sesuai untuk mengkaji fenomena sebenar dalam konteks fakta dan dianggap sebagai medium terbaik untuk

mencapai objektif kajian ini dengan mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat madani dalam mengadvokasi.

Populasi dan sampel kajian

Kajian kes ini melibatkan lapan buah pertubuhan masyarakat sivil dan satu agensi kerajaan yang bermatlamat melindungi kesejahteraan warga emas di Malaysia. Pertubuhan masyarakat sivil yang terlibat dalam kajian ini ialah kumpulan pembelajaran sepanjang hayat, persatuan pesara, kelab warga emas, institusi penyelidikan, dan pusat jagaan warga emas. Jadual 1 menyenaraikan organisasi masyarakat sivil yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1 Senarai Peserta Kajian

No	Nama Organisasi
1.	Persatuan Kebajikan USIAMAS Malaysia
2.	<i>University of Third Age (U3A)</i>
3.	<i>Seniours Aloud</i>
4.	Pusat Jagaan Siti Nor Aini
5.	Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia
6.	Pusat Aktivit Warga Emas (PAWE)
7.	<i>Prevent Elder Abuse and Neglect Initiative (PEACE) University Malaya</i>
8.	<i>Malaysian Research Institute on Ageing (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia</i>
9.	Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Teknik persampelan

Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam memilih pertubuhan masyarakat sivil. Kriteria pemilihan pertubuhan masyarakat sivil sebagai sampel ialah pertubuhan tersebut telah dan sedang menjalankan sebarang bentuk aktiviti, strategi dan program yang bertujuan untuk melindungi kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Teknik pengumpulan data

Pengumpulan data kajian ini telah dilakukan secara kaedah temu bual secara mendalam. Protokol temubual separa berstruktur telah digunakan sebagai panduan

dalam proses temubual yang dijalankan (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Terdapat 4 bahagian (bahagian A: latar belakang peserta, bahagian B: strategi advokasi yang digunakan, bahagian C: cabaran dalam mengadvokasi, dan bahagian D: inisiatif dan usaha penambahbaikan) dalam protokol temubual ini. Kesemua soalan dibangunkan berdasarkan kajian-kajian lepas dan teori perubahan. Setiap bahagian Pelaksanaan temubual secara mendalam berpandukan soalan-soalan yang telah ditetapkan menggalakkan perbincangan yang lebih terbuka dalam kalangan peserta kajian (Yin, 2003, 2011; Creswell, 2007).

Teknik analisis data

Maklumat yang diperoleh secara temubual mendalam telah ditranskrip dan dianalisis secara tematik. Analisis tematik digunakan untuk membangunkan kod dan tema-tema dalam menyumbang kepada dapatan hasil kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati empat cabaran utama dihadapi oleh pertubuhan masyarakat madani di dalam melaksanakan usaha advokasi untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas di Malaysia. Cabaran-cabaran tersebut ialah: kurang kesedaran mengenai isu warga emas, kekangan kewangan, ketidakselarasan antara organisasi, dan kerjasama yang lemah antara setiap sektor masyarakat madani.

Kurang kesedaran mengenai isu warga emas

Secara asasnya, strategi advokasi sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku, tahap pengetahuan dan kesedaran seseorang (Chapman & Lupton, 1994; Wise, 2001; Rose, 2016). Oleh itu, antara cabaran yang dihadapi oleh warga emas adalah kurang kesedaran tentang perkhidmatan dan sokongan yang disediakan untuk mereka (Suhaimi & Norma, 2013). Ini mendorong kepada peranan advokasi untuk bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai untuk mencapai sesuatu matlamat sosial (Wise, 2001; Cohen, 2017). Sebagai contoh, kajian ini mendapati pertubuhan masyarakat madani memainkan peranan penting dalam memperjuangkan hak warga emas. Hal ini adalah kerana sebilangan warga emas tidak mengetahui jenis-jenis bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain yang ditawarkan oleh kerajaan kepada golongan rentan ini. Perkara ini dinyatakan oleh beberapa peserta kajian, seperti berikut:

“Saya rasa kebanyakan keluarga tidak sedar bahawa tanggungjawab menjaga warga emas adalah terletak pada anak-anak. Bukan kerajaan. Kerajaan hanya akan membantu apabila perlu berdasarkan beberapa penilaian tertentu.”

(PMM, 2021)

Berdasarkan perkongsian berikut dapat dilihat bahawa tanggungjawab menjaga warga emas dilepaskan pada kerajaan. Walhal, anak-anak merupakan individu yang sepatutnya memainkan peranan penting sebagai penjaga. Hal ini berpunca daripada kekurangan kesedaran dalam kalangan keluarga di negara ini.

“Dan satu lagi masalah dengan masyarakat kita ialah, mereka tidak mahu menyertai dan melibatkan diri dengan isu warga emas kerana mereka tidak faham kurang peka dengan isu penuaan.”

(PMM, 2022)

Apabila kurang kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia tentang isu warga emas, keadaan ini sekaligus merencatkan usaha dalam meningkatkan kesejahteraan golongan rentan ini. Seperti yang dikongsikan peserta berikut:

“Secara asasnya, masalah utama yang kita hadapi bukan sahaja melibatkan warga emas, tetapi semua pihak yang kurang sedar bahawa isu warga emas dan isu penuaan ini adalah isu negara, isu nasional, isu yang besar. Nak beri kesedaran kepada orang ramai sangat susah.”

(PMM, 2021)

Kenyataan tersebut telah disokong oleh seorang peserta lagi yang berkongsi pandangan tentang senario di Malaysia, seperti berikut:

“Di Malaysia, tidak ramai yang menyedari isu penuaan dan warga emas ini. Jadi, cabaran terbesar kami ialah berhadapan dengan orang awam. Kami ingin memberitahu mereka bahawa isu penuaan adalah isu yang serius, bukan hanya orang tua. Ia adalah isu tentang bagaimana menangani penuaan, cara menangani warga emas yang gelisah, berasa kosong dan sunyi, tiada penjaga dan segala macam isu yang berkaitan mereka.”

(PMM, 2021)

Berdasarkan padangan daripada peserta tersebut jelas menunjukkan bahawa antara cabaran utama mereka dalam memperjuangkan kesejahteraan warga emas adalah berpunca daripada kurang kesedaran dalam kalangan masyarakat. Walaupun strategi yang dijalankan mereka bertujuan untuk memperkasakan warga emas, cabaran ini menjadi halangan dan memberikan kesan buruk dalam usaha untuk melindungi warga emas di Malaysia.

Kekangan kewangan

Antara isu kritikal yang mempengaruhi usaha advokasi dalam melindungi kesejahteraan warga emas adalah kekangan kewangan. Kebanyakan peserta menyuarakan pendapat yang sama berkaitan dengan kekurangan dana yang diperuntukkan untuk pertubuhan mereka. Akibatnya, mereka terpaksa menjana pendapatan sendiri dan mencari jalan untuk menampung kos perbelanjaan program. Salah seorang peserta meluahkan kekecewaannya seperti berikut:

“Bantuan kewangan daripada kerajaan bukanlah 100 peratus. Kadang-kala, kami terpaksa minta bayaran untuk aktiviti tertentu seperti kelas komputer dan sebagainya. Bukan kami nak mengehadkan penglibatan sesetengah golongan warga emas yang kurang berkemampuan, tapi, kami sendiri mengalami kekurangan dana untuk menjalankan program.”

(PMM, 2021)

Masalah yang disuarakan ini menunjukkan bahawa pertubuhan masyarakat madani amat memerlukan sokongan kewangan yang mencukupi. Walaupun kerajaan telah menyediakan jumlah dana bagi setiap pertubuhan masyarakat madani yang berdaftar, akan tetapi dana tersebut tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan organisasi terutamanya dalam menjalankan program-program untuk warga emas. Seperti yang dikongsikan oleh peserta berikut:

“Kerajaan merupakan pemberi dana utama bagi pertubuhan kami, tetapi dana mereka terhad kepada pengoperasian sahaja. Tahun lepas kami dapat peruntukan tambahan, tetapi kami tidak boleh menggunakannya untuk menjalankan program kerana tidak termasuk dalam peruntukan tersebut.”

(PMM, 2021)

Walau bagaimanapun, pandangan dari seorang peserta berkaitan pemberian dana kerajaan telah menyebabkan kebergantungan sepenuhnya kepada pihak kerajaan. Peserta ini berkongsi kenyataan berikut:

“Saya pasti kerajaan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menampung semua NGO. Jadi, semua NGO perlu berusaha sendiri. Mereka sepatutnya membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas.”

(PMM, 2021)

Jelasnya, peruntukan kewangan bagi pertubuhan masyarakat sosial memberi kesan langsung terhadap usaha mengadvokasi golongan warga emas. Pertubuhan masyarakat madani dilihat sebagai penyedia perkhidmatan dan penjagaan untuk melindungi warga emas, akan tetapi berhadapan dengan kekurangan sumber kewangan (Masefield et al., 2020). Kekangan kewangan ini menjejaskan usaha pertubuhan masyarakat madani melaksanakan aktiviti-aktiviti advokasi berkaitan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Ketidakselarasan antara organisasi dan agensi

Salah satu isu yang dibangkitkan oleh peserta adalah ketidakselarasan antara agensi-agensi kerajaan dalam melindungi warga emas di Malaysia. Malaysia merupakan antara negara terawal yang memperkenalkan dasar untuk warga emas di rantau Asia Pasifik dalam mewujudkan persekitaran yang sihat, mesra, dan menyokong warga emas (Mohd Fazari, 2017). Namun, kesukaran berlaku apabila wujud ketidaksampaian maklumat dari satu kementerian kerajaan ke kementerian yang lain. Masalah ini berpunca daripada ketidakselarasan antara organisasi dan agensi kerajaan seperti yang dikongsi oleh peserta berikut:

“Sukar untuk berkomunikasi dengan kementerian kerana maklumat tidak dikongsi secara menyeluruh antara kementerian. Apabila bercakap tentang kesejahteraan warga emas, hanya KPWKM [Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] dan KKM [Kementerian Kesihatan Malaysia] sahaja yang membincangkannya...”

(PMM, 2021)

Seorang lagi peserta turut meluahkan rasa kecewa apabila kebanyakan masyarakat meletakkan tanggungjawab warga emas sepenuhnya kepada kementerian tertentu sahaja.

“Jadi, ini yang kita hadapi apabila agensi lain dan orang awam menganggap isu warga emas adalah isu JKM [Jabatan Kebajikan Masyarakat] dan KPWKM [Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] sahaja. Inilah antara masalah yang sering kita hadapi.”

(PMM, 2021)

Di Malaysia, Dasar Warga Emas Negara merupakan instrumen legislatif sosial utama dalam melindungi warga emas. Matlamat utama dasar ini adalah untuk memastikan kesejahteraan yang menyeluruh di samping memastikan persekitaran yang menyokong untuk keharmonian hidup warga emas (Siti Zaharah et al., 2015). Matlamat ini sukar dicapai tanpa kerjasama daripada semua agensi kerajaan dalam membantu usaha untuk mewujudkan persekitaran dalaman dan luaran yang mesra

warga emas. Dasar sosial sahaja tidak mencukupi tanpa penyelarasan dalam setiap pelaksanaan (Mohammad Abu et al., 2018). Perkara ini diulas oleh peserta kajian berikut:

“Dari segi perkhidmatan, terdapat program daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Kerajaan tempatan perlu mengikut dan terikat dengan arahan di peringkat negeri, terutamanya dalam kebajikan, kerana ia adalah senarai bersama yang selalu bertindih.”

(PMM, 2021)

Pendek kata, agensi kerajaan merupakan tunggak utama dalam kebajikan sosial negara. Kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk kesejahteraan warga emas di Malaysia. Justeru, penglibatan kolektif dan kerjasama daripada semua agensi kerajaan adalah amat penting.

Kerjasama yang lemah antara setiap sektor masyarakat madani

Kerjasama merupakan salah satu elemen utama dalam memastikan keberkesanan advokasi yang dilaksanakan. Kajian menunjukkan bahawa pembinaan gabungan yang kukuh dalam kalangan masyarakat sivil memudahkan pihak berkepentingan dalam menggerakkan organisasi melalui penggabungan sumber dan kepakaran (Raeymarkers & Puyvelde, 2021). Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual yang dijalankan menggambarkan situasi kerjasama yang lemah antara sektor masyarakat madani, seperti yang dikongsi peserta berikut:

“Saya rasa cabarannya sekarang adalah dari segi ketiadaan kerjasama antara ahli akademik, kementerian, agensi swasta dan juga NGO. Saya rasa itulah masalahnya. Saya juga turut merasakan kesukaran untuk melalui beberapa kementerian dalam membawa usul berkaitan warga emas dan keganasan terhadap mereka. Sangat susah.”

(PMM, 2022)

Peserta tersebut berkongsi tentang kesukaran yang dihadapi apabila hendak bekerjasama dengan beberapa kementerian kerajaan, berbanding dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan yang lain. Beberapa organisasi yang berjaya menembusi kementerian mendapati bahawa agensi kerajaan tidak tahu memanfaatkan kewujudan masyarakat madani dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

“Sejujurnya, persoalan yang utama adalah pihak kerajaan, mereka tidak tahu mana nak letakkan kami.”

(PMM,2021)

Kenyataan tersebut disokong oleh salah seorang peserta yang lain, seperti berikut:

“Ini adalah pendapat saya secara peribadi, NGO untuk warga emas agak kurang berkesan...Mereka tidak agresif dalam memperjuangkan hak mereka. Jika dibandingkan dengan NGO daripada orang kurang keupayaan. Warga emas kurang impak dan agak lambat bukan dari segi fizikal akan tetapi usaha mereka.”

(PMM, 2021)

Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa kerjasama dan gabungan antara organisasi dalam advokasi adalah sangat penting (Mellinger, 2016). Pembinaan gabungan akan menjadi berkesan dan lebih kukuh jika semua pihak mempunyai persetujuan bersama. Jika tidak, usaha dalam mengadvokasi demi mencapai kesejahteraan warga emas akan menjadi sukar dan sia-sia. Hubungan antara beberapa pihak berkepentingan seperti individu, dan masyarakat sendiri merupakan ejen penting dalam perubahan. Jelas disini bahawa peranan yang dimainkan oleh masyarakat madani amat penting dalam melindungi warga emas dengan memberikan kesedaran dan maklumat berkaitan. Masyarakat madani selaku advokat bertanggungjawab dalam menyediakan informasi dan akses berkaitan hak-hak warga emas (Maylea et al., 2020).

PERBINCANGAN

Pertubuhan masyarakat madani di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha melaksanakan strategi advokasi yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Sedia maklum bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan melalui strategi advokasi ini merupakan satu instrumen penting dalam mempengaruhi sesebuah dasar dan pembuat keputusan melalui beberapa tahap untuk mencapai keadilan sosial (Arensman, 2019). Oleh itu, semua cabaran ini perlu ditangani dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Antara cabaran utama adalah berpunca daripada kekurangan kesedaran tentang isu warga emas. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ayesha et al. (2016), tahap kesedaran masyarakat di Malaysia, termasuk ahli professional, berkaitan isu warga emas amat rendah, dan ini menyebabkan keselamatan dan hak warga emas terjejas. Kajian oleh MacRae (2020) juga mendapati perkara yang sama; iaitu warga emas

sendiri tidak mengetahui bahawa mereka telah dianiaya oleh pelaku dan menjadi mangsa penderaan (MacRae, 2020). Keadaan yang sama berlaku di landskap perundangan di Eropah, dimana kekurangan kesedaran dan pengetahuan daripada pengamal-pengamal perundangan sendiri menyebabkan warga emas kerap kali berhadapan dengan isu prejudis dan diskrimasi (Doron & Georgantzi, 2018). Oleh itu, adalah menjadi keperluan bagi setiap individu untuk mengenali-pasti isu-isu serta pengetahuan yang berkaitan dengan warga emas, sama ada dari segi perundangan ataupun seperti yang digariskan oleh dasar sosial di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran tentang hak warga emas.

Advokasi dilaksanakan melalui beberapa strategi seperti berkempen, melobi, pendidikan awam dan lain-lain. Setiap program dan aktiviti direka khas bagi memenuhi keperluan warga emas yang berbeza-beza. Usaha ini melibatkan kos dan perbelanjaan dan membebankan bagi beberapa pertubuhan masyarakat madani. Penyediaan perkhidmatan dan program yang memuaskan amat memerlukan peruntukan yang banyak bergantung kepada kapasiti program (Suhaimi & Norma, 2013). Menurut kajian Chuah et al. (2019), dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa kekangan kewangan merupakan antara cabaran utama dalam menyampaikan isu sosial di Malaysia dari pelbagai sektor. Hal ini termasuk peranan pertubuhan masyarakat madani dalam menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung sepenuhnya pada peruntukan kerajaan. Status kewangan yang tidak kukuh telah menyukarkan operasi dan pertumbuhan organisasi secara menyeluruh dan menyumbang kepada ketidakbolehcapaian perkhidmatan sosial, terutamanya perkhidmatan-perkhidmatan sosial untuk golongan yang kurang bernasib baik (Ijon, et.al, 2021).

Selain itu, ketidakselarasan antara agensi kerajaan telah menyebabkan ketidakcekapan dan sekaligus menyukarkan proses pembuatan keputusan dan penggubalan dasar-dasar dalam melindungi hak dan status warga emas. Noland (2019) menyatakan bahawa walaupun kerajaan Jepun mengamalkan struktur kerajaan tidak berpusat dan dianggotai oleh barisan jemaah menteri yang berkemampuan tinggi, tetapi aspek penyelarasan yang selaras dan teratur antara kementerian amat diperlukan. Tambahan pula, tanpa hala tuju dasar yang jelas boleh menjadi penghalang dalam mencapai kesejahteraan masyarakat. Namun, kajian kes yang dijalankan di Nigeria memberi kesimpulan bahawa punca ketidakselarasan dalam kementerian disebabkan kekangan kewangan, masa dan komitmen sesebuah agensi kerajaan menjejaskan kualiti perkhidmatan (Bamgbopa et.al, 2019). Pendek kata, kajian-kajian

ini menyimpulkan bahawa faktor kewangan, masa dan komitmen antara organisasi, agensi dan kementerian memainkan peranan penting dalam memastikan usaha untuk memperbaiki kualiti hidup warga emas dapat diselaraskan secara cekap dan efektif.

KESIMPULAN

Isu penuaan berbentuk multidimensi dan memberi impak yang besar dalam aspek kehidupan warga emas. Kesedaran dan persediaan yang menyeluruh ke arah negara menua 2030 perlu digerakkan dari sekarang dengan tumpuan bukan semata-mata kepada sektor kesihatan, tetapi merangkumi semua keperluan warga emas. Kesedaran mengenai penuaan perlu diterapkan di peringkat awal sebagai persediaan menghadapi usia tua sama ada dari segi kesihatan fizikal, mental, emosi, kewangan, keselamatan, persekitaran dan sokongan sosial. Peranan ini perlu dimainkan bersama oleh masyarakat madani; semua pihak termasuk komuniti dan badan bukan kerajaan agar satu rangkaian sokongan efektif dapat diwujudkan untuk kesejahteraan warga emas disetiap peringkat umur.

Negara masih ada tempoh kurang 7 tahun untuk memastikan kita melangkah ke status negara tua dengan persediaan rapi. Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang melibatkan wakil kementerian berkaitan perlu diselaraskan. Jabatan Kebajikan Masyarakat, dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak boleh menjadi satu-satunya entiti yang memperjuangkan agenda warga emas di Malaysia. Selain itu, struktur gabungan antara pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pakar geriatrik serta ahli akademik yang pakar dalam bidang warga emas perlu diperkukuhkan. Semua pihak perlu menggembeng tenaga dan bekerjasama bagi mencapai kata sepakat tanpa melibatkan kepentingan peribadi.

Antara usaha kerajaan adalah dengan mewujudkan Rang Undang-undang Warga Emas (RUWE). Namun, pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Warga Emas yang lebih terperinci dan menyeluruh perlu diperkenalkan dengan segera menjelang tahun 2030. Walaupun, penguatkuasaan undang-undang bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian, namun sekurang-kurangnya dapat melindungi hak warga emas dengan mewujudkan persekitaran yang inklusif dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian adalah amat peting untuk mempersiapkan masyarakat dalam merancang kehidupan persaraan dengan baik. Generasi muda terutamanya harus lebih peka bahawa mereka juga akan melalui fasa penuaan. Perancangan yang rapi perlu dilaksanakan, dan ini tidak terhad pada aspek kewangan tetapi juga merangkumi aspek sosial, ekonomi, kerohanian dan persekitaran bagi menjamin penuaan sihat, aktif, produktif, positif dan menyokong.

RUJUKAN

- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun Negara Madani, Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Arensman, B. (2019). Advocacy outcomes are not self-evident: The quest for outcome identification. *American Journal of Evaluation*, 41(2), 216–233. <https://doi.org/10.1177/1098214019855137>
- Ayesha Ahmed, Choo, W. Y., Sajaratulnisa Othman, Noran Naqiah Hairi, Farizah Mohd Hairi, Fadzilah Hanum Mohd Mydin, & Siti Nur Illiani Jaafar. (2016). Understanding of elder abuse and neglect among healthcare professionals in Malaysia: An exploratory survey. *Journal of Elder Abuse and Neglect*, 28(3), 163–177. <https://doi.org/10.1080/08946566.2016.1185985>
- Bangbopa, M., Musbaudeen, O., Dindi, A., Alabi, A., Sodiq, A., Yusuf, A., & Sanusi, W. (2019). A review of Nigerian energy policy: Implementation and impact. Research Gate.
- Bird, M. (2016). Social justice advocacy in the belly of the beast : An illustration of policy change for social work. *Affilia*, 31(2), 257–262. <https://doi.org/10.1177/0886109915592668>
- Chapman, S., & Lupton, D. (1994). Freaks, moral tales & medical marvels: Health & medical stories on Australian television. *Media Information Australia*, 72(1), 94–103. <https://doi.org/10.1177/1329878x9407200113>
- Chand, M. (2018). Aging in South Asia: Challenges and opportunities. *South Asian Journal of Business Studies*, 7(2), 189–206. <https://doi.org/10.1108/sajbs-09-2017-0103>
- Chand, M.; Tung, R. L. (2014). The ageing of the world's population and its effects on global business. *Academy of Management Perspectives*, 28(4), 409–429. <https://doi.org/10.5465/amp.2012.0070>
- Chereni, A. (2017). Advocacy in the South African Social Welfare Sector: Current Social Work Research and possible future directions. *International Social Work*, 60(2), 507–520. <https://doi.org/10.1177/0020872815580042>
- Chuah, F. L., Tan, S. T., Yeo, J., & Legido-Quigley, H. (2019). Health system responses to the health needs of refugees and asylum-seekers in Malaysia: A qualitative study. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(9), 1584. <https://doi.org/10.3390/ijerph16091584>
- Cohen, B. E., & Marshall, S. G. (2017). Does public health advocacy seek to redress health inequities? A scoping review. *Health & Social Care in the Community*, 25(2), 309–328. <https://doi.org/10.1111/hsc.12320>

- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Doron, I. I., & Georgantzi, N. (2018). Introduction: Between law, ageing and ageism. *Ageing, Ageism and the Law*, 1–13. <https://doi.org/10.4337/9781788972116.00006>
- Hoefer, R. (2018). The dangers of social justice advocacy. *Social Work*, 64(1), 87-90. <https://doi:10.1093/sw/swy047>
- Ijon, R., Azman, A., & Jamir Singh, P. S. (2021). Funding Sustainability of Welfare Oriented Non-Governmental Organisations: A Brief Analysis. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 4(1), 92-106. Retrieved from <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/138>
- Ismail Sulaiman (2023, January 22). Memahami konsep Malaysia Madani. Utusan Malaysia. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>
- Ismatul Izzah. (2018). Peran pendidikan agama islam dalam membentuk masyarakat madani. *Jurnal Pedagogik*, 5(1), 50-58, <https://ejournal.unuja.ac.id/index.php/pedagogik>
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=madani>
- Kim, M., & Mason, D. P. (2017). Representation and diversity, advocacy, and nonprofit arts organisations. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 47(1), 49–71. <https://doi.org/10.1177/0899764017728364>
- Lawrence, A. M. (2020). Revitalising civil society organisations in Kenya: An assessment of their contribution to achieving sustainable development goals in Narok country. *European Journal of Social Sciences Studies*, 5(5). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.46827/ejsss.v5i5.932>
- Lee, S. (2017). Population ageing and retirement security in Korea. *Advances in Spatial Science Demographic Transition, Labour Markets and Regional Resilience*, 199–215. https://doi.org/10.1007/978-3-319-63197-4_8
- Lu, J. (2018). Fear the government? A meta-analysis of the impact of government funding on nonprofit advocacy engagement. *The American Review of Public Administration*, 48(3), 203–218. <https://doi.org/10.1177/0275074016680024>
- MacRae, H. (2020). ‘I’ve never given it a thought’: Older men’s experiences with and perceptions of ageism during interactions with physicians. *Ageing and Society*, 42(6), 1318–1339. <https://doi.org/10.1017/s0144686x20001476>

- Masefield, S. C., Megaw, A., Barlow, M., White, P. C. L., Altink, H., & Grugel, J. (2020). Repurposing NGO data for better research outcomes: a scoping review of the use and secondary analysis of NGO data in health policy and systems research. *Health research policy and systems*, 18(1), 63. <https://doi.org/10.1186/s12961-020-00577-x>
- Maylea, C., Makregiorgos, H., Martin, J., Alvarez-Vasquez, S., Dale, M., Hill, N., Johnson, B., Thomas, S., & Weller, P. (2020). Independent mental health advocacy: A model of social work advocacy? *Australian Social Work*, 73(3), 334–346. <https://doi.org/10.1080/0312407x.2020.1725076>
- Mazlynda Md Yusuf, Sarina Mohamed, & Mohamad Yazis Ali Basah, (2020). The impact of ageing population on Malaysian economic growth. *ASM Science Journal*, 1–6. [https://doi.org/10.32802/asmscj.2020.sm26\(1.24\)](https://doi.org/10.32802/asmscj.2020.sm26(1.24))
- McNutt, J. (2010). Is social work advocacy worth the cost? Issues and barriers to an economic analysis of social work political practice. *Research on Social Work Practice*, 21(4), 397-403. <https://doi:10.1177/1049731510386624>
- Mellinger, M. S. (2016). What drives advocacy? An exploration of value, mission, and relationships. *Journal of Policy Practice*, 16(2), 147-165. <https://doi:10.1080/15588742.2016.1214860>
- Mohd Fazari Mohd Salleh. (2017). *Ageing in an inclusive society: Social support system for older persons in Malaysia* [Powerpoint slides]. Ministry of Women, Family and Community Development. https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/MOST/S4_P1_Tuan%20Hj_%20Fazari.pdf
- Neumark, D. (2009). The age discrimination in employment act and the challenge of population aging. *Research on Aging*, 31(1), 41-68. <https://doi.org/10.1177/0164027508324640>
- Noland, M. (2019, February 5). *Japan considers a National Economic Council - East-West Center*. <https://www.eastwestcenter.org/news/east-west-wire/japan-considers-national-economic-council>
- Nwalie, M. I. (2019). Advocacy coalition framework and policy changes in a third-world country. *Politics & Policy*, 47(3), 545–568. <https://doi.org/10.1111/polp.12302>
- Portal rasmi Malaysia Madani, <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>
- Raeymaeckers, P., & Van Puyvelde, S. (2021). Nonprofit advocacy coalitions in time of COVID-19: Brokerage, crowdfunding, and advocacy roles. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 50 (6), 1304-1317.

- Rose, E. J. (2016). Design as advocacy: Using a human-centered approach to investigate the needs of vulnerable populations. *Journal of Technical Writing and Communication*, 46(4), 427–445. <https://doi.org/10.1177/0047281616653494>.
- Ruth, B. J., & Marshall, J. W. (2017). A History of Social Work in Public Health. *American journal of public health*, 107(S3), S236–S242. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2017.304005>
- Siti Zaharah Jamaluddin, Gan, C. C., & Mohammad Abu Taher, (2015). Strategies in the prevention or reduction of elder abuse in Bangladesh and Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 172, 42–48. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.333>
- Schneider, R. (2019). Definition of advocacy. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Schneider, R. L., & Lester, L. (2001). Social Work Advocacy: A new framework for action. *Brooks/Cole*.
- Scourfield, P. (2021). Using advocacy in social work practice: A guide for students and professionals (1st ed.). *Routledge*. <https://doi.org/10.4324/9781003041122>.
- Sosin, M., & Caulum, S. (1983). Advocacy: A conceptualization for social work practice. *Social Work*, 28(1), 12-17.
- Suhaimi Abd Samad & Norma Mansor. (2013). Population ageing and social protection in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 50(2), 139–156.
- Taher, M. A., Jamaluddin, S. Z., Mohd. Yusoff, J. Z., Tahir, Z., & Thambapillay, S. (2020). Ensuring the well-being of the elderly: Revisiting the role and adequacy of social protection schemes in Malaysia and the Philippines. *UUM Journal of Legal Studies*, 9, 175–203. Retrieved from <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls/article/view/uumjls.9.2018.9109>
- Tengku Aizan Hamid. (2016). National Policies on Ageing Malaysia Content. Retrieved from https://www.unescap.org/sites/default/files/Tengku_Aizan_Hamid_Bangkok_2016.pdf
- Tsigas, E. (2017). Advocacy is essential to supporting women with pre-eclampsia. *Obstetric Medicine*, 10(1), 33-35. <https://doi:10.1177/1753495x17692912>.
- United Nations. (2019). World population ageing 2019. <https://www.un.org/en/development/desa/population/publications/pdf/ageing/WorldPopulationAgeing2019-Report.pdf>

- United Nations Development Programme. (2016). Ageing, older persons and the 2030 agenda for sustainable development. https://www.un.org/development/desa/ageing/wpcontent/uploads/sites/24/2017/07/UNDP_AARP_HelpAge_International_AgeingOlderpersons-and-2030-Agenda-2.pdf.
- Watanabe, D. (2021). Understanding diversity in later life and a new culture of aging: Sociology of aging in Japan. *International Sociology*, 36(2), 243–253. <https://doi.org/10.1177/02685809211005355>
- Whelan, A. (2016). Lowering the Age of Consent: Pushing Back against the Anti-Vaccine Movement. *Journal of Law, Medicine & Ethics*, 44(3), 462-473. doi:10.1177/1073110516667942
- Wise, M. (2001). The role of advocacy in promoting health. *Promotion & Education*, 8(2), 69–74. <https://doi.org/10.1177/102538230100800204>
- World Health Organisation. (2017). 10 Priorities towards a Decade of Healthy Ageing. Department of Ageing and Life Course. Retrieved September 4, 2020, from <https://www.who.int/ageing/WHO-ALC-10-priorities.pdf>
- Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods (3rd ed.)*. Sage Publications, Inc.
- (2011). *Qualitative research from start to finish*. The Guildford Press.